

ARAHAN PENGARAH TANAH DANGALIAN, KELANTAN BIL. 1 TAHUN 1998

CATATAN DI ATAS HAKMILIK DAFTAR BAGI SETIAP PERMOHONAN PECAH BAHAGIAN DAN PECAH SEMPADAN DI BAWAH SEKSYEN 137(2) DAN SEKSYEN 142(2) KTN

Arahan ini dikeluarkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan dengan tujuan supaya tindakan-tindakan segera yang diperlukan dapat diambil bagi melicinkan dan mempercepatkan proses permohonan pecah bahagian/pecah sempadan tanah. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa bagi melaksanakan catatan bagi perkara di atas, fail-fail yang baru dibuka di Pejabat-Pejabat Tanah dihantar kepada :-

- a) Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian bagi tanah-tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar, dan
 - b) Bahagian Pendaftaran Pejabat Tanah berkenaan bagi tanah-tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah.
2. Adalah didapati perjalanan fail-fail ini daripada Pejabat-Pejabat Tanah ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan daripada Bahagian Pecah Sempadan/Pecah Bahagian ke Bahagian Pendaftaran dalam Pejabat Tanah yang sama, dan balik semula ke Bahagian asal telah memakan masa agak lama. Dalam pada itu sebelum fail-fail ini sampai balik semula ke Bahagian Pecah Sempadan/Pecah Bahagian tidak ada apa-apa tindakan yang dapat dibuat ke atas permohonan di dalam fail tersebut.

3. Bagi mengelakkan kerugian masa dengan pergerakan fail-fail ini Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan supaya fail-fail permohonan Pecah Sempadan/Pecah Bahagian ini tidak dipinda daripada Bahagian Pecah Sempadan/Ubahsyarat bagi tujuan catatan di atas tetapi memadai dengan dihantar dalam 2 salinan memorandum kepada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian atau Bahagian Pendaftaran untuk dibuat di atas daftar hakmilik berkenaan, satu salinan memorandum ini hendaklah dikembalikan kepada Pejabat Tanah atau Bahagian Pecah Sempadan/Pecah Bahagian untuk direkodkan.
4. Dengan cara di atas, tindakan-tindakan susulan di atas fail berkenaan boleh diambil serta merta tanpa menunggu catatan di bawah Seksyen 137(2) atau Seksyen 142(2) KTN di atas disempurnakan terlebih dahulu.
5. Bersama ini disediakan satu contoh memorandum untuk tujuan di atas. Arahan ini hendaklah serta merta.

t.t

(Dato' Haji Nik Aznan Shah bin Dato' Nik Abdullah)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri,
Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan
8. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH
KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD. 2/ (20)

**BERTARIKH : 15 RAMADHAN 1418
14 JANUARI 1998**

**MEMORANDUM BAGI CATATAN DI ATAS HAKMILIK DAFTAR
DI BAWAH SEKSYEN 137(2) DAN 142(2) KTN**

Daripada: Kepada:

.....

.....

Satu permohonan telah diterima bagi tujuan permohonan pecah sempadan/pecah bahagian di bawah Sek. 136 KTN/Sek. 140 KTN bagi tanah di dalam Jadual di bawah ini. Permohonan ini telah didaftarkan dengan fail

2. Sila buat catatan di bawah Sek. 137(2)/142(2) KTN di atas hakmilik daftar hakmilik tersebut.

.....
Pentadbir Tanah Jajahan

Jadual

<u>No.Hakmilik</u>	<u>No.Lot/PT</u>	<u>Mukim/Seksyen</u>	<u>Jajahan</u>
.....
.....

Daripada: Kepada:

.....

.....

Catatan di atas telah selesai dibuat di atas hakmilik daftar pada

Pembantu Tadbir
(Pendaftaran)
t.t

Pendaftar/Pentadbir Tanah
Hakmilik Jajahan t.t

(Borang ini hendaklah disediakan dalam 3 salinan)

- 1 salinan untuk fail
- 2 salinan untuk dihantar ke Pejabat Daftar/Bahagian Pendaftaran, Pejabat Pendaftar/Bahagian Pendaftaran akan mengembalikan 1 salinan boran ini setelah tindakan catatan di bawah Sek.137(2)/142(2) KTN selesai).